

Kajian Malaysia, Jld. XXV, No. 2, Disember 2007

**PENGALAMAN ANAK DEWASA BERPENDAPATAN RENDAH
YANG MENJAGA IBU BAPA TUA: SATU PENDEKATAN
BERTERASKAN PENDIDIKAN KOMUNITI**

**(THE EXPERIENCE OF ADULT CHILDREN CARING FOR
ELDERLY PARENTS: A COMMUNITY EDUCATION APPROACH)**

Khadijah Alavi
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
khadijahalavi@yahoo.com

Kajian ini bertujuan meninjau fenomena bagaimana seseorang penjaga (anak dewasa) mengharungi pengalaman dan mengurus aktiviti harian dalam menjaga ibu bapa tua. Kajian kes berdasarkan pendekatan fenomenologi telah dipilih sebagai pendekatan kajian. Responden kajian ini adalah anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua yang berumur lebih daripada 60 tahun, berbangsa Melayu, berstatus sosioekonomi rendah dan tinggal di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur serta mempunyai keluarga sendiri. Responden kajian juga dipilih mengikut penjagaan terhadap tiga kumpulan warga tua (yang sihat, kurang upaya dan sakit terlantar) berpaksikan dalam satu kontinum. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lompong antara penjagaan tiga kumpulan warga tua dalam aspek program (penyertaan komuniti dan penyampaian perkhidmatan komuniti) melalui sokongan sosial berteraskan pendidikan komuniti. Kajian ini juga telah mencadangkan sebuah pendekatan pengurusan daya tindak berteraskan pendidikan komuniti untuk anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua.

Kata kunci: anak dewasa, ibu bapa tua, penjagaan, strategi daya tindak dan sokongan sosial

The main purpose of this study is to understand the nature of adult children caregivers' experiences and how they manage their daily living activities while caring for older parents. A case study guided by phenomenology is chosen as an approach in this study. Selected respondents are Malay adult children caring for elderly parents aged 60 and above, in low-income families in Kuala Lumpur. Respondents are also selected according to the care provided to three groups of elderly

Khadijah Alavi

parents (healthy, disabled and frail) based on one continuum. The findings reved that there are gaps between caring for the elderly parents in these three groups especially in the aspect of program development (community participation and delivery services) through social support based on community education. This study has also proposed a coping strategy approach based on community education for adult children caregivers.

Keywords: adult children, elderly parents, caregiving, coping strategy and social support

PENGENALAN

Dalam tempoh 50 tahun, pembangunan yang pesat telah berlaku dalam masyarakat Malaysia. Lima dekad adalah masa yang panjang dan perubahan sosial pasti akan berlaku dalam tempoh ini. Pembangunan pada dasarnya bertujuan untuk menaikkan taraf atau status hidup dan ia juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat ke arah negara maju terutama dari aspek kesihatan, ekonomi, urbanisasi dan pendidikan formal. Sebaliknya pembangunan ini juga memberi impak kepada kehidupan harian anak dewasa yang menjaga ibu bapa mereka. Impak paling ketara adalah mereka mengalami pelbagai dilema dan cabaran dalam proses penjagaan warga tua secara informal. Untuk menangani dilema dan cabaran ini, pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk penjagaan formal seperti unit geriatrik, rumah harian penjagaan warga tua, rumah untuk pesakit melarat (*terminal care* atau *palliative care*) dan sebagainya. Penyediaan kemudahan ini belum mencukupi dalam memenuhi kemudahan komuniti warga tua yang semakin meningkat. Disamping itu, desakan pembangunan juga berpengaruh kepada perubahan sosial dan struktur kekeluargaan terutama dalam kalangan masyarakat Melayu bandar.

Di Malaysia kebanyakan keluarga masih berpegang kepada nilai dan norma bahawa anak-anak adalah bertanggungjawab untuk menjaga orang tua mereka. Dalam kebudayaan timur, secara idealnya bagi keluarga yang mempunyai bilangan anggota yang besar, anak dewasa akan mengambil giliran untuk menjaga ibu bapa atau ibu bapa mertua (Roziah, 2000). Walau bagaimanapun sebahagian anak dewasa sekarang ini kurang berkemampuan untuk menjaga ibu bapa terutama mereka

Pengalaman Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa

yang menghidap penyakit kronik. Anak dewasa memerlukan bantuan dan sokongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan perkhidmatan kesihatan melalui hospital bagi menjaga warga tua terutamanya ibu bapa yang uzur secara fizikal dan mental. Terdapat empat aspek utama dilema dan cabaran anak dewasa dalam menjaga ibu bapa tua.

Aspek pertama ialah kerana struktur keluarga luas (*extended family*) semakin beransur pupus. Mengenali sistem keluarga tradisional adalah penting untuk memahami bagaimana sokongan dan bantuan orang tua mungkin akan berubah apabila sistem keluarga berubah akibat proses industrialisasi. Modernisasi dan urbanisasi memaksa generasi muda untuk berhijrah daripada luar bandar ke bandar untuk mencari pekerjaan dan pendapatan yang lebih lumayan (Cowgill, 1974). Proses penghijrahan ini menyebabkan ibu bapa tua di luar bandar tinggal bersendirian tanpa sokongan keluarga. Trend ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan dalam struktur keluarga tradisional kepada keluarga nuklear atau stem (Tengku Aizan dan Khadijah, 2003).

Aspek kedua, berkaitan dengan lebih banyak wanita memasuki sektor pekerjaan terutama di bandar, dan ini memberi kesan kepada warga tua yang tinggal bersendirian di rumah ataupun terpaksa menjaga cucu mereka (*watch dog family*) semasa anak dewasa mereka keluar bekerja. Satu lagi kesan dari faktor ini adalah datuk dan nenek mengambil alih tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik, mengurus dan menjaga cucu mereka (Connidis, 2001). Beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa datuk dan nenek mempunyai kesulitan dan bimbang dalam menjaga cucu mereka, terutama mereka yang mengambil tanggungjawab asas sebagai ibu bapa (Orb dan Margaret, 2005).

Aspek ketiga, jarak geografi dan ketiadaan keluarga asas yang tinggal berdekatan dengan warga tua yang merupakan trend terkini di dalam masyarakat Malaysia. Aspek keempat ialah peningkatan jangka hayat hidup warga tua dan perubahan sosial di dalam komuniti yang menyebabkan peningkatan jumlah populasi warga tua terutamanya mereka yang menghidap penyakit kronik dan bergantung kepada anak dewasa.

Norma dan nilai budaya masyarakat kita merasakan bahawa setiap keluarga perlu mengurus dan menyelesaikan masalah (beban penjagaan) mereka sendiri. Anak dewasa, keluarga luas dan jiran tetangga biasanya

Khadijah Alavi

memenuhi jurang di antara perkhidmatan penjagaan formal secara langsung dan tidak langsung di kalangan ibu bapa yang miskin, terpinggir secara sosial, kurang upaya dan sakit melarat dalam komuniti. Penggunaan perkhidmatan penjagaan yang terhad juga menyebabkan masalah kepada anak dewasa. Pengkaji mendapati bahawa anak dewasa yang berpendapatan rendah terutama dalam masyarakat Melayu menghadapi masalah dalam usaha mendapatkan maklumat mengenai penyakit spesifik ibu bapa mereka, program latihan penjagaan, *respite care*, sokongan dan bantuan berterusan yang diperlukan oleh ibu bapa yang kurang upaya dan sakit melarat. Walau bagaimanapun anak dewasa mengalami pelbagai dilema dan cabaran dalam menjaga ibu bapa tua mereka dalam era globalisasi ini. Walau bagaimanapun anak dewasa tetap mengambil tanggungjawab menjaga ibu bapa mereka.

Tanggungjawab menjaga ibu bapa oleh anak dewasa boleh dilihat daripada dua sudut. Tanggungjawab semasa ibu bapa masih hidup dan tanggungjawab filial selepas kematian ibu bapa. Tanggungjawab semasa hidup merupakan aktiviti yang dilakukan oleh anak semasa ibu bapa memerlukannya. Aktiviti ini pelbagai termasuk penjagaan, membantu untuk membeli belah, pengurusan rumah, berbakti kepada ibu bapa dan sebagainya. Manakala tanggungjawab selepas kematian ibu bapa berkait rapat dengan pengekalan silaturahim dengan rakan taulan ibu bapa dan mendoakan kesejahteraan ibu bapa (Arena dan Shukriah, 2001). Dalam masyarakat Melayu, sifat menghormati ibu bapa dalam hubungan seharian dizahirkan melalui beberapa cara. Ini termasuk menggunakan bahasa percakapan yang lemah lembut, bersopan santun dan berbudi bahasa serta tidak melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan kemarahan ibu bapa (Yaacob, 1993: 51).

Oleh itu janganlah kita leka dengan kehidupan dan tugas-tugas seharian sehingga kita lupa akan tanggungjawab kita sebagai seorang anak terhadap ibu bapa kita semasa mereka hidup dan setelah mereka meninggal dunia. Hadis Rasullah SAW juga meriwayatkan bahawa terdapat enam perkara di mana anak boleh berbakti kepada ibu bapa setelah mereka meninggal dunia:

- Istighfar dan memohon maaf ke atas dosa-dosa ibu bapa.
- Berdoa untuk kedua ibu bapa yang telah meninggal dunia.
- Banyakkan amal salih, sedekah dan berniat amal kebajikan kepada kedua-dua ibu bapa.

Pengalaman Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa

- Meneruskan hubungan silaturahim dengan saudara-mara ibu bapa.
- Menjelaskan hutang, haji, zakat, nazar, fidyah puasa dan fardu kifayah tertunggak ibu bapa.
- Menziarah kubur ibu bapa.

Keempat-empat aspek di atas merupakan di antara dilema dan cabaran yang dihadapi oleh dewasa dalam mengambil tanggung jawab menjaga ibu bapa mereka. Selain dari itu, anak dewasa juga menghadapi cabaran dari segi kewangan, emosi, masa, perubahan rutin kehidupan harian dan pengetahuan dan sumber maklumat tentang penjagaan warga tua serta dalam memberi perhatian antara kerjaya, keluarga sendiri dan penjagaan ibu bapa. Bagi menghadapi dilema dan cabaran ini anak dewasa perlu mempunyai strategi daya tindak yang boleh membantu mengurangkan beban penjagaan. Sebaliknya dipihak lain pula negara menghadapi kepadatan warga tua semakin meruncing sehingga kepadatan warga tua ini menimbulkan pelbagai dilema dan cabaran kepada anak dewasa, keluarga dan komuniti.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk membuat tinjauan tentang pengalaman dan pengurusan anak dewasa yang berpendapatan rendah dalam menjaga ibu bapa tua di kalangan masyarakat Melayu bandar. Analisis perbandingan antara penjagaan warga tua yang sihat, kurang upaya dan sakit melarat untuk mendapat pemahaman yang lengkap serta mendalam mengenai pengalaman yang dilalui oleh anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua yang tinggal dalam komuniti. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengutarakan objektif utama iaitu apakah pengalaman yang dilalui oleh anak dewasa dalam menjaga ibu bapa mereka dan bagaimanakah perbandingan antara kes dapat dibuat kesimpulan terhadap fokus kajian serta implikasi berteraskan pendidikan bagi dijadikan asas pembentukan polisi yang berkaitan dengan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua.

METODOLOGI


Gabungan kajian kes berpandukan pendekatan fenomenologi dipilih bagi menyempurnakan penyelidikan ini. Pendekatan dan kaedah ini juga

Khadijah Alavi

dipilih untuk membolehkan penyelidikan ini menjawab persoalan kajian berlandaskan latar belakang subjek kajian, yang secara sukarela berkongsi pengalaman mereka, dipilih secara pemilihan bertujuan mengikut kriteria yang ditetapkan, dan ianya boleh menjelmakan (*emergent*) banyak maklumat yang terselindung terutamanya tentang beban penjagaan yang dialami oleh anak dewasa.

Pemilihan kriteria sampel adalah anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua yang tinggal di dalam komuniti terutama di Kuala Lumpur. Kajian kualitatif meninjau ini menggunakan kaedah sampel pemilihan bertujuan (*purposive sampling*). Cara sampelan ini memerlukan kemampuan dan pengetahuan yang baik dari pengkaji terhadap populasi kajian. Dalam menentukan siapa yang termasuk sebagai sampel kajian, harus benar-benar diselidik latar belakang responden bagi memastikan mereka dapat maklumat yang berkaitan dengan permasalahan kajian. Pemilihan kes untuk penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan kriteria seperti berikut:

- Subjek berstatus sosioekonomi menengah rendah dan tinggal di dalam komuniti sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- Subjek berbangsa Melayu dan mempunyai keluarga sendiri dan mempunyai anak.
- Subjek merupakan anak dewasa yang menjaga warga tua lebih dari 60 tahun.
- Subjek dipilih mengikut penjagaan terhadap tiga kumpulan warga tua (yang sihat, kurang upaya dan sakit terlantar) berpaksikan satu kontinum.



Rajah 1: Model Kontinum Penjagaan Ibu Bapa Yang Sihat, Kurang Upaya dan Sakit Terlantar

Pengalaman Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa

Pengkaji telah memilih tiga (3) kategori penjagaan warga tua oleh anak dewasa, iaitu; kategori warga tua yang sihat dan produktif; kategori kedua warga kurang upaya tetapi masih boleh melakukan kerja harian dengan terbatas dan kategori ketiga adalah warga tua sakit terlantar (*bed-ridden*) yang memerlukan bantuan anak dewasa secara sepenuhnya. Rasional pemilihan *extreme case sampling* ketiga-tiga kategori warga tua ini dapat memberi gambaran dan maklumat terperinci tentang persamaan dan perbezaan beban penjagaan anak dewasa dan perkhidmatan sokongan yang diperlukan oleh anak dewasa untuk mengurangkan beban penjagaan tersebut daripada ketiga-tiga kategori di atas.

Seramai lapan orang responden telah ditemubual garis panduan soalan terbuka dan tidak berstruktur. Rasional pemilihan sampel di atas adalah disebabkan pengkaji dapat memilih subjek kajian yang sesuai dengan anggapan bahawa subjek berupaya memberi maklumat terperinci dan boleh mencapai tahap tepu (*saturation point*). Data dikumpulkan melalui temu bual secara mendalam (*in-depth/qualitative interview*). Soalan yang diperbincangkan adalah mengenai latar belakang responden, mengapa mengambil tanggungjawab penjagaan dan apakah suka duka yang dilalui dalam proses menjaga ibu bapa tua. Seterusnya pengkaji telah memilih petikan-petikan daripada laporan bertulis (*transcribed*) adalah untuk membentuk tema. Pengkaji juga telah menemui responden kali kedua untuk memastikan petikan yang dipilih mendapat pengesahan responden dan memastikan jika responden ada penambahan maklumat mengenai petikan daripada temu bual pertama. Analisis kajian adalah proses menyusun data untuk ditafsirkan. Menyusun data bererti mengumpulkan pola, tema dan kategori untuk memahami makna sesuatu fenomena. Interpretasi data adalah untuk menggambarkan perspektif atau pandangan pengkaji, bukan untuk mencari kebenaran melalui fenomena yang dikaji.

Khadijah Alavi

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden (Anak Dewasa)

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa seramai lapan orang responden yang ditemui bual merupakan anak dewasa perempuan yang melaksanakan semua tugas menjaga ibu bapa tua. Suami dan adik beradik lain (termasuk anak lelaki atau anak perempuan) hanya memberi sokongan dan dorongan dalam menjaga ibu bapa tua. Walau bagaimanapun, beberapa orang responden kurang berpuas hati dengan bantuan yang dihulurkan oleh adik beradik mereka. Pelbagai alasan yang dikemukakan semasa berlaku situasi krisis (semasa ibu atau bapa sakit teruk). Lazimnya, alasan adik beradik lain adalah masalah kewangan, anak mereka bersekolah, suami sibuk bekerja, tinggal di luar Kuala Lumpur dan sebagainya.

Majoriti responden kajian ini tinggal menyewa di perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan seramai tiga orang responden masih tinggal di kawasan setinggan yang mungkin akan dirobohkan oleh pihak DBKL. Masyarakat miskin (seperti responden kajian) mendapat bantuan melalui penyewaan rumah pangsa DBKL dengan harga yang berpatutan. Dari aspek pendidikan, empat orang responden telah tamat peringkat SPM, tiga orang responden di peringkat sekolah rendah dan seorang responden tidak pernah menjekai bangku persekolahan. Seramai tujuh orang responden berasal dari luar bandar pernah sekolah rendah dan menengah tetapi seorang responden berasal dari Kuala Lumpur tidak pernah bersekolah. Ini menunjukkan bahawa kes-kes marginal seperti ini perlu ditangani secara serius dan menyeluruh oleh pihak berkuasa supaya tidak berlaku keciciran persekolahan di kalangan masyarakat bandar atau luar bandar yang miskin dalam mencapai arus negara maju.

Perbandingan Anak Dewasa yang Menjaga Ibu Bapa yang Sihat dan Kurang Upaya serta Sakit Terlantar

Data kajian ini mempersembahkan kategori penjagaan ibu bapa tua oleh anak dewasa kepada dua paksi, iaitu, anak dewasa yang menjaga ibu bapa sihat dan anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang kurang upaya dan sakit terlantar. Pembahagian dapat menghuraikan perbezaan dan persamaan tahap kebergantungan penggunaan bantuan (anak dewasa,

Pengalaman Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa

keluarga atau jaringan sokongan sosial) oleh ibu bapa responden. Data ini juga boleh digunakan untuk memastikan penyediaan perkhidmatan sokongan dan bantuan yang diperlukan oleh anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua.

Kategori pra pengalaman dan pengalaman sebenar penjagaan dalam kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat mendapati bahawa responden kajian boleh berkongsi masalah, membala budi, mendapat bantuan timbal balik serta bantuan *tangible* dan tidak *tangible* lebih banyak diperoleh dari keluarga luas dan organisasi sosial. Sebaliknya bagi anak dewasa yang menjaga ibu bapa kurang upaya dan sakit terlantar pula pra pengalaman dan pengalaman sebenar yang diharungi di mana seseorang responden perlu bertolak ansur, komited, dedikasi, membala budi dan muhasabah diri. Kumpulan responden ini juga kurang mendapat bantuan daripada keluarga luas dan komuniti yang setempat.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa sokongan timbal balik (*reciprocal support*) hanya wujud dalam kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat. Fenomena ini bersesuaian dengan rumusan Bengtson, Rosenthal, burton dan Binstock (1996) bahawa warga tua yang sihat biasanya bukan sahaja penerima bantuan, malah lazimnya mereka juga merupakan pemberi bantuan kepada anak dewasa. Hasil kajian ini mendapati bahawa jenis bantuan yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak dewasa adalah bantuan emosi melalui perkongsian masalah, pemberian bantuan dalam bentuk kewangan, memasak, membeli belah, mengemas rumah dan mengurus cucu serta mengurus persekolahan cucu semasa anak mereka keluar bekerja. Dari aspek pengurusan penjagaan pula, anak yang menjaga ibu bapa yang sihat, kurang mengalami beban penjagaan. Bahkan mereka mendapat banyak bantuan daripada keluarga yang luas dan pelbagai bantuan tambahan daripada organisasi sosial (sila lihat Jadual 1).

Berbanding dengan anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang kurang upaya dan terlantar sakit mereka berhadapan dengan pelbagai kesan penjagaan seperti kekangan masa, perkembangan personaliti, beban fizikal, beban sosial dan emosional serta kesihatan penjaga. Frankel dan DeWit (1989) mendapati bahawa, jika ibu bapa semakin uzur atau kurang berupaya melakukan aktiviti kehidupan harian, maka kekerapan anak dewasa memberi bantuan dan menziarahi mereka juga akan

Khadijah Alavi

meningkat. Dapatan kajian Frankel dan DeWit (1989) hanya bersesuaian untuk anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat. Hasil kajian ini memaparkan pandangan bertentangan dengan dapatan Frankel dan DeWit (1989) bagi anak dewasa yang menjaga ibu bapa kurang upaya dan terlantar sakit di mana bantuan daripada keluarga semakin berkurangan jika ibu bapa responden semakin uzur dan terlantar sakit. Anak dewasa yang lain juga hampir tidak pernah datang menziarahi ibu bapa yang terlantar sakit dalam tempoh satu tahun yang lalu, walaupun pada hari perayaan (hari Raya Aidil Fitri atau hari Raya Aidil Adha).

Jadual 1: Kategori Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa Tua dan Sokongan Sosial Berteraskan Pendidikan Komuniti.

Tema Utama	Anak dewasa yang menjaga ibu bapa sihat	Anak dewasa yang menjaga ibu bapa kurang upaya dan sakit terlantar
Pra pengalaman dan pengalaman sebenar	<ul style="list-style-type: none"> • Berkongsi masalah • Membalas budi • Bantuan timbal balik • Bantuan <i>tangible</i> dan tidak <i>tangible</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Bertolak ansur • Komited • Dedikasi • Membalas budi • Muhasabah diri
Pengurusan penjagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang mengalami beban penjagaan • Banyak bantuan daripada keluarga luas • Kurang bantuan komuniti • Bantuan organisasi sosial sebagai tambahan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengharungi kelima-lima dimensi beban penjagaan • Kurang bantuan daripada keluarga luas • Kurang mendapat bantuan komuniti • Amat mengharapkan bantuan organisasi sosial
Sokongan timbal balik (<i>Reciprocal support</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • lebih sokongan 	<ul style="list-style-type: none"> • kurang sokongan

Pendidikan Komuniti

Pengalaman Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa

Bagi ibu bapa tua yang tinggal bersama anak dewasa, bantuan yang diterima biasanya merangkumi bantuan kewangan, penyediaan makanan, pembelian barang keperluan harian, penjagaan kebersihan rumah dan mencuci pakaian dan pengangkutan (untuk mengunjungi sanak saudara dan/atau hospital/klinik). Ibu bapa tua di Malaysia masih bergantung kepada anak dewasa, saudara-mara dan kawan-kawan untuk mendapatkan bantuan tersebut. Keluarga terdekat merupakan pilihan pertama untuk diminta bantuan dan sokongan oleh warga tua yang tinggal dalam komuniti (Chor Swang dan DaVanzo, 1999). Dapatan kajian Chor Swang dan DaVanzo (1999) ini juga bersesuaian untuk anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat. Menurut responden B (anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat);

tak ada mengira makan minum ke...pendek kata...kita adik beradik tak pernahlah mengira kan..kalau saya ada duit...kalau orang ni datang berkumpul..dia beli apa-apa, makan sama...macam tulah.

(Responden E menjelaskan bahawa ibunya suka balik kampung, bersiar-siar atau bermandi-manda di pantai atau air terjun. Adik beradik beliau juga akan turut serta dalam aktiviti bersama ibunya. Sejak ibunya tinggal bersama responden, adik-beradik lain juga kerap datang menziarahi responden dan ibunya beliau. Huraian responden E dan adiknya adalah seperti berikut:

Saya suka bawa emak balik kampung, kalau adik beradik nak ikut kena tong-tong, kalau saya seorang memang saya tak mampu. Jadi adik beradik saya pun kena faham lah. Tambang balik kampung pun dah berapa kan...aktiviti saya yang lain bawa emak pergi mandi.

Jadi saya suka tinggal kat sini, tiap cuti saya suka melepak dengan emak saya.

(adik responden E)

Responden G pula menjaga ibu yang berumur 82 tahun di mana pengkaji mengkategorikannya sebagai kurang upaya, tetapi ibu responden ini masih boleh bergerak di dalam dan di luar rumah. Beliau dan adik

Khadijah Alavi

beradik sentiasa berkumpul dan sering makan bersama terutama pada bulan Ramadhan dan hari raya. Responden G menceritakan bahawa suasana yang paling gembira adalah apabila mereka adik-beradik dapat berkumpul bersama:

Bila kita kumpul ramai-ramai, kakak datang sini masak, adik pun macam tu jugak kan, abang pun macam tu jugak, misal kata bulan puasa, abang buat apa-apa... kita pergi buka kat rumah abang...adik pulak kita semua rumah dia pulak lah...macam akak ni masak-masak kurang sikit...ketupat ke...rendang ke...semua adik bongsu sediakan...akak buat duit lah...semua segalanya lah...kuih muih, ketupat rendang...dah...jam sepuluh...sebelas malam raya kang dia datang...beraya kat sini tapi masak kat rumah dia lah...rumah kita kecil kan...nak pakai dapur besar...nak masak rendang nak pakai dapur besar...rumah dia besar sikit...jadi semua buat kat rumah dialah.

Kebanyakan penyelidik melihat secara umum bantuan yang diterima oleh ibu bapa tua tetapi data kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian ChorSwang dan DaVanzo (1999) terutama di kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa kurang upaya dan sakit terlantar. Data kajian telah dapat membuktikan bahawa bantuan dan ziarah bagi ibu bapa sihat dengan ibu bapa sakit terlantar adalah amat berbeza. Perbandingan dapat diuraikan seperti berikut:

Bantuan kewangan sikit pun jadilah...kalau anak lelaki susah lah kan sebab yang jaga isteri dia kan...jadi hulur lah sikit kan...atau selalu datang...tanya khabar emak...anak yang duduk dekat sini pun tak pernah balik tengok emak.. tapi nak datang tengok pun payah...sebulan sekali tak pernah datang...anak lelaki dia datang barulah kita bawa dia duduk depan ni...seminit dua minit angkat aku...lama-lama adik pun kata...tak boleh jadi ni kak...besok kan tak boleh bangun nak pergi kerja...kita bela bertahun...dia orang kejap aje dah bosan dah...

(Responden C)

Pengalaman Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa

Depan rumah ni semua anak-anak satu bapa lain emak aje..sekarang dah tak datang lagi dah. Anak-anak isteri pertama lima orang—tiga lelaki dan dua perempuan. Dulu ada juga datang...sekarang tak taulah tak mau masuk rumah. Kalau tak salah saya orang masjid juga...ahli jawatan kuasa masjid datang tengok sendiri keadaan emak macam tu kan...jadi mereka uruskan bantuan kewangan untuk emak. Bantuan sekolah anak-anak, tahun lepas kami dapat tapi tak taulah tahun ni dapat ke tak kan...nak pergi kerja... emak dah macam ni...anak pun tak ada orang nak jaga kan...

(Responden D)

Anak lelaki semua tak boleh harap...ada anak lelaki ...masalahnya semua hisap dadah...seorang meninggal dan tinggal dua lagi...dua tu hisap dadah...akak dengan adik perempuan yang duduk depan tu yang tengok emak ni...tapi tengok-tengok gitu ajelah...Tak ada siapa nak tolong... sedara-mara ada yang berada...tapi tak berani nak ke rumah dia sebab dia orang rasa berat nak menerima kita...Kalau tak salah saya orang masjid juga...ahli jawatan kuasa masjid datang tengok sendiri keadaan emak macam tu kan...jadi mereka uruskan bantuan kewangan untuk emak.

(Responden H)

Ketiga-tiga responden C, D dan H membuktikan bahawa anak dewasa yang menjaga ibu bapa kurang upaya dan sakit terlantar amat mengharapkan bantuan daripada organisasi sosial kerana mereka kurang mendapat bantuan keluarga luas atau komuniti. Oleh yang demikian, sokongan sosial timbal balik antara anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat dan anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang kurang upaya dan sakit terlantar mempunyai perbezaan yang ketara. Salah satu faktor utama terdapat perbezaan ketara di antara kedua-dua kategori anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua kerana keluarga luas dan komuniti setempat anak dewasa ini juga mempunyai tahap pendidikan dan pendapatan yang rendah.

Oleh yang demikian, data kajian ini mengenal pasti lompong antara aspek program (aktiviti untuk anak dewasa dan penggunaan kemudahan)

Khadijah Alavi

dan proses (penyertaan komuniti dan penyampaian perkhidmatan komuniti) melalui sokongan sosial berteraskan pendidikan komuniti (sila lihat Jadual 1). Memandangkan kebanyakan responden berpendidikan rendah, maka pendidikan komuniti seharusnya berlaku dalam suasana yang bebas supaya anak dewasa dapat mencuba dan mempelajari sendiri dalam usaha memajukan diri sendiri. Isu ini perlu diberi penekanan untuk memastikan satu strategi perancangan program penyediaan perkhidmatan sokongan sosial dalam penjagaan komuniti yang komprehensif dapat dibentuk bagi mengurangkan beban anak dewasa dalam penjagaan warga tua.

Kemiskinan wujud hasil daripada interaksi berbagai aspek yang ada dalam kehidupan manusia. Antara aspek utama adalah sosial dan ekonomi. Aspek sosial di dalam kajian dilihat daripada ketidaksamaan tahap pendidikan di antara anggota masyarakat. Sedangkan aspek ekonomi pula dilihat daripada ketidaksamaan pembahagian sumber ekonomi di dalam masyarakat kesan daripada tahap pendidikan yang rendah. Ahli sosiologi mengukur kemiskinan melalui tahap pendapatan bulanan sesebuah keluarga. Chamhuri (2006) mengukur kemiskinan melalui saiz keluarga dan tanggungan yang lebih besar. Lazimnya umur dan pendidikan golongan termiskin mempunyai hubungan signifikan di mana purata pencapaian pendidikan golongan miskin rendah dan mempunyai sebilangan besar ahli keluarga yang hanya tamat sekolah rendah. Tambah beliau lagi, sebahagian besar golongan miskin dan berpendapatan rendah menyewa di perumahan awam atau setinggan. Hasil kajian ini telah membuktikan pernyataan Chamhuri (2006) di mana hampir kesemua responden kajian ini tidak mempunyai rumah sendiri dan sebilangan besar adik beradik responden kajian hanya tamat sekolah rendah. Di samping itu, sebahagian besar anak-anak responden juga hanya tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan bekerja di sektor separa mahir.

Lewis (1966) menyatakan bahawa pola tindakan dan sikap orang miskin tersebut adalah merupakan suatu cara hidup orang miskin. Cara hidup ini yang menjadi landasan bagi terbentuknya budaya kemiskinan. Pola kebudayaan kemiskinan itu telah menjadi lestari di kalangan orang miskin dan diwarisi generasi seterusnya melalui sosialisasi. Maka salah satu cara untuk mengubah kebudayaan kemiskinan adalah melalui pola sosialisasi anak-anak orang miskin. Satu daripada pola sosialisasi yang terbukti berkesan adalah melalui pendidikan keluarga berkenaan,

Pengalaman Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa

terutama sekali fokus kesedaran pendidikan perlu ditumpukan kepada generasi seterusnya yang melibatkan anak-anak dan cucu kepada responden kajian ini.

Freire (1973) menekankan kepada kesedaran melalui pendidikan tidak formal bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan orang miskin yang tertindas. Salah satu cara untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan bagi orang dewasa adalah melalui pendidikan tidak formal dalam komuniti ataupun pendidikan komuniti. Pendidikan komuniti (pendidikan tidak formal) boleh membawa perubahan pengetahuan, sikap dan amalan bagi membantu golongan penerima (anak dewasa) memenuhi kehendak dan menyelesaikan/mengurus masalah yang mereka hadapi (Rahim, 2005). Pendidikan komuniti juga boleh meningkatkan kesedaran kritis (*conscientisation*) dan mengubah realiti kehidupan golongan tertindas melalui berdialog (bercakap dan berinteraksi). Kesedaran kritis ini membolehkan seseorang individu mengenal pasti potensi diri melalui lokus kawalan dalaman dan luaran. Individu (anak dewasa) yang meneruskan pandangan positif tentang potensi diri mereka dalam perubahan dan boleh mengekalkan kawalan personel bukan sahaja hidup dengan lebih gembira tetapi juga dapat mengimbas kembali dan mengambil tindakan untuk membebaskan diri daripada lingkaran kemiskinan.


Justeru itu, keupayaan komuniti boleh dipelajari bukan diwarisi. Komuniti perlu dididik, dibentuk dan ditajamkan keupayaan mereka. Oleh itu pendekatan atas-bawah lebih bersifat “memberi sesuatu kepada komuniti” perlu diubah orientasinya supaya lebih bersifat “mendidik komuniti” dalam membangun dan memajukan diri (Asnarulkhadi, 2006). Pendidikan bukan sahaja boleh meningkatkan kualiti hidup masyarakat dari aspek pekerjaan dan pendapatan individu, malah boleh meningkatkan keupayaan untuk bertindak seperti melaksanakan amalan kesihatan yang dilakukan setiap hari bagi memberi kesan ke atas kesihatan dalaman serta luaran seseorang untuk menghadapi masa depan yang sangat mencabar.

KESIMPULAN

Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat lompong (*gap*) di antara keperluan responden (anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua) dengan

Khadijah Alavi

program-program yang disediakan dalam komuniti. Kesimpulan daripada kajian ini ialah faktor struktur peluang, kapasiti individu dan kolektif merupakan dua faktor yang saling berkait dalam membantu atau menghambat usaha meningkatkan penyertaan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua dalam program kerajaan dan badan bukan kerajaan. Perkara ini tercermin daripada fenomena kajian lapangan yang menunjukkan bahawa kejayaan kumpulan penggerak ditunjangi oleh struktur peluang yang sedia ada seperti maklumat mengenai penyakit spesifik ibu bapa mereka, program latihan penjagaan, sokongan dan bantuan berterusan yang diperlukan oleh ibu bapa yang kurang upaya dan sakit melarat.



Rajah 2: Model Pengurusan Anak Dewasa Berteraskan Pendekatan Pendidikan Komuniti.

Pengalaman Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa

Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan beberapa program yang telah berjaya dilaksanakan di negara barat serta boleh digunakan sebagai model pengurusan anak dewasa berteraskan pendekatan pendidikan komuniti untuk penambahbaikan dan diperluaskan ke dalam komuniti setempat di Malaysia (Rajah 2). Cadangan untuk setiap peringkat ini tidak bersifat eksklusif, bahkan ianya berkait di antara satu dengan yang lain.

- Dalam lapisan sistem mikro, **kaedah individu** (lawatan ke rumah) digunakan untuk mengenal pasti masalah atau keperluan anak dewasa yang menjaga ibu bapa secara dekat melalui komunikasi bersemuka. Individu dan keluarga memerlukan beberapa usaha peningkatan kapasiti melalui pendidikan, kemahiran dan meningkatkan maklumat yang diperlukan oleh penjaga (anak dewasa). Antara maklumat penting tersebut termasuklah tujuh perkara yang berikut: pemahaman tentang status perubatan orang tua yang berada di bawah jagaan, cara memperbaiki kemahiran menangani konflik antara anak dewasa dan warga tua, cara pengurusan hal-ehwal keluarga, komunikasi berkesan dengan warga tua, saluran khidmat komuniti, pengendalian emosi dan perancangan jangka panjang.
- **Kaedah kumpulan kecil** boleh digunakan dalam lapisan sistem meso. Kaedah ini bertujuan untuk mengupas isu/masalah/keperluan secara komprehensif mengenai beban penjagaan diperingkat komuniti. Di peringkat komuniti—program pendaya-upayaan ekonomi masyarakat yang mendorong penyertaan dalam berbagai aktiviti-aktiviti untuk membangun kekuatan kolektif, meningkat modal insan dan penyertaan dalam pengambilan keputusan demi kepentingan bersama. Kumpulan penjaga ini juga hendaklah diberi bantuan yang menjurus kepada penglibatan mereka ke arah kegiatan keusahawanan yang merupakan salah satu nadi penting dalam kehidupan bandar. Bantuan dalam bentuk pembelajaran berteraskan usaha sendiri atau *self-reliance learning* di kalangan anak dewasa sewajar diberi fokus utama agar mereka dapat bersaing dalam arus negara maju.

Khadijah Alavi

- Kaedah yang paling sesuai adalah **kaedah massa**. Kaedah ini melalui penyebaran maklumat yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan minat dalam pengurusan penjagaan ibu bapa. Kerajaan juga perlu menambah program advokasi bagi membentuk kesedaran masyarakat tentang penuaan yang positif dan meningkatkan kesedaran berkaitan dengan warga tua dalam komuniti setempat. Ia boleh dijalankan melalui publisiti dan kempen (media cetak dan elektronik) dan perlu lebih aktif dalam menyampaikan maklumat dan pengetahuan. Maklumat dan pengetahuan yang perlu disebarluaskan adalah mengenai pusat penjagaan yang berkonsepkan “pondok”, pusat jagaan harian, pusat jagaan sementara (*respite care*), kumpulan sokongan penjagaan (*caregiver support group*), perkhidmatan bantuan ke rumah-rumah (*home help services*), bantuan kewangan dan peralatan untuk warga tua serta penjaga mereka.

Cadangan di atas dapat membangunkan suatu keadaan yang baik dan kondusif di peringkat individu, keluarga dan komuniti bagi membangunkan keupayaan anak dewasa. Program-program ini dibangunkan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua, berpendapatan rendah dan tinggal di bandar. Kesedaran melalui pendekatan pendidikan komuniti dapat meningkatkan kualiti hidup anak dewasa dan keluarga supaya mereka berusaha dan bertekad untuk keluar daripada dilema dan cabaran menjaga warga tua.

RUJUKAN

Arena Che Kasim dan Shukriah Che Kasim, 2001, “Tanggungjawab anak terhadap warga tua menurut perspektif Islam,” dalam Abdul Aziz, Lukman Z. Mohammad dan Wan Norsiah Mohamed, *Jaminan Sosial Warga Tua*, Petaling Jaya: Prentice Hall.

Asnarulkhadi Abu Samah, 2006, Pembangunan komuniti: Strategi, peranan dan cabaran ke arah pembentukan masyarakat sejahtera dan saksama. *Kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Kebangsaan, Agenda Pembangunan Sosial ke arah Pembentukan Masyarakat Sejahtera dan Saksama*. 1–2 Jun 2006, Kuala Lumpur.

Pengalaman Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa

Bengtson, V. L., Rosenthal C., Burton, L., dan Binstock, R. H., 1996, *Handbook Of Aging And the Social Sciences*, San Diego, CA: Academic Press

Chamhuri Siwar, 2006, Kemiskinan dan pembasmian kemiskinan bandar: Isu, masalah dan cabaran. *Seminar Kebangsaan Masyarakat Bandar dan Isu-Isu Kebajikan Masyarakat*. Kuala Lumpur.

Chor Swang Ngin and DaVanzo, J., 1999, “Parent-child coresidence and Quasi-coresidence in Peninsular Malaysia,” *Southeast Asian Journal of Social Science*, 27(2): 43–64.

Connidis, I. A., 2001, *Family Ties and Aging*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Cowgill, D. O., 1974, “Aging and modernization: A revision of theory,” dalam J. F. Gubrium (ed.), *Later Life, Communities and Environmental Policy*. Charles C. Thomas, Springfield, Illinois.

Frankel, B. B. dan DeWitt, D., 1989, “Geographic distance and intergenerational contact: An empirical examination of the relationship”, *Journal of Aging Studies*, 3: 139–162.

Freire, P., 1973, *Pedagogy of the Oppressed*, United Kingdom: Penguin.

Lewis, O., 1966, *The Culture of Poverty*, Random: La Vid, New York.

Orb, A. dan Margaret, D., 2005, Grandparents parenting their grandchildren, *Australian Journal of Aging*, 24 (3): 162 – 168.

Rahim M. Sail, 2005, *Nota Kuliah Amalan Kerja Pengembangan*. Serdang Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Roziah Omar, 2000, *Kesihatan dan Gaya Hidup: Isu-Isu Semasa Kesihatan Masyarakat*, Kuala Lumpur : SNN Sdn. Bhd.

Khadijah Alavi

Tengku Aizan Hamid dan Khadijah Alavi, 2003, *Gerontologi Sosial*.
Serdang Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh (IDEAL),
Universiti Pertanian Malaysia.

Yaacob Harun, 1993, *Keluarga Melayu Bandar: Satu Analisis Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.